

15 OCT 1996

DR MAHATHIR SAMPAI ANUGERAH KEPADA WARTAWAN

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri Malam Wartawan kali ke-14 yang akan berlangsung di sebuah hotel termuka di sini pada Isnin ini.

Beliau akan menyampaikan hadiah wang tunai berjumlah RM70,000 dan tiket-tiket penerbangan kepada 20 wartawan yang memenangi pelbagai anugerah untuk penulisan berita, rencana majalah, laporan sukan dan hiburan, gambar foto, kewartawanan TV dan rencana ekonomi/kewangan.

Dalam kenyataan akhbar hari ini, Pengerusi jawatankuasa majlis itu Abdul Jalil Ali berkata Institut Akhbar Malaysia menerima 170 penyertaan yang diadili 34 anggota panel hakim yang dipengerusikan bekas hakim Mahkamah Tinggi, Tan Sri Harun Hashim.

Pemenang hadiah terulung - Hadiah Kajai - akan menerima wang tunai RM5,000, pingat emas bernilai RM1,000 dan tiket penerbangan ke destinasi luar negara. Setakat ini, hanya tujuh wartawan yang menerima hadiah ulung itu.

Tokoh Wartawan Negara juga diumumkan pada malam itu. Hingga kini hanya Tan Sri A.Samad Ismail, Tan Sri Lee Siew Yee dan Allahyarham Datuk Ishak Mohamed (Pak Sako) dianugerahi gelaran itu.

Menurutnya, hadiah wang tunai adalah sumbangan Petronas dan tiket penerbangan sumbangan Penerbangan Malaysia.

-- BERNAMA

WE AHH